

Oleh Mohd Jamilul Anbia Md Denin dan Muhammad Saufi Hassan  
 anbia@hmetro.com.my

# Sedut wang akaun mangsa!

*Sindiket penipu profesional bina aplikasi khas curi maklumat, duit mangsa tanpa sedar*

## MODUS OPERANDI PENGGODAM

- 1 Penggodam membangunkan aplikasi mirip institusi perbankan
- 2 Penggodam memasang perisian hasad 'malware'
- 3 Penggodam akan mencipta aplikasi dengan kadar persis mencapai 99 peratus aplikasi sebenar
- 4 Menghantar pautan kepada mangsa
- 5 Mangsa memuat turun daripada gedung aplikasi atau menerusi fail bebas .apk
- 6 Peranti pengguna dijangkiti dengan perisian hasad
- 7 Perisian hasad merekodkan setiap butiran pengguna
- 8 Penggodam akan melakukan transaksi dengan butiran yang dihantar oleh perisian hasad berkenaan



## Aplikasi dipasang perisian hasad rekod butiran, kata laluan

**Kuala Lumpur:** Aplikasi mirip institusi perbankan namun ia adalah klon yang sudah dipasang perisian hasad atau *malware* untuk menghantar setiap butiran yang dimasukkan pengguna.

Perisian hasad akan merekodkan setiap butiran dimasukkan pengguna terutamanya kata laluan serta kata pengguna atau *username* kepada individu tertentu.

Sebaik semua maklumat didapati oleh pereka aplikasi atau perisian berkenaan, individu tidak bertanggungjawab itu akan melakukan transaksi wang menerusi akaun bank pengguna.

Presiden Persatuan Pengguna Siber Malaysia (MCCA) Siraj Jalil mengingatkan orang awam supaya berwaspada ketika memuat turun aplikasi perbankan dan menyemak pembangunan aplikasi berkenaan.

"Tambahkan sebagai contoh Perisian Hasad *Joker* yang hadir bersama melalui aplikasi

jangan mudah terpedaya dengan memuat turun aplikasi berformat .apk di luar daripada gedung aplikasi.

"Di dalam gedung aplikasi seperti di Play Store pun ada aplikasi dipasang perisian hasad ini jadi pengguna perlu sentiasa berhati-hati sebelum memuat turun.

"Terutama untuk institusi perbankan, ia mempunyai maklumat data sensitif dan kini, penggodam memiliki pelbagai kaedah untuk memperdayakan orang awam yang kurang prihatin dalam soal ini," katanya kepada Harian Metro.

Menjelaskan lanjut, Siraj berkata, perisian hasad ini berfungsi untuk membuka *backdoor* peranti pengguna dan ia akan merekodkan setiap butiran yang dimasukkan oleh pengguna.

"Penggunaan perisian hasad dalam mencuri data pengguna bukan perkara baru, ini taktik yang lazim digunakan penggodam bagi mencuri data pengguna.

... untuk membuat...  
janji. Tanpa curiga, saya ma-  
sukkan butiran peribadi ke  
dalam aplikasi itu.

“Saya diarah bayar deposit  
RM20. Saya cuba buat pem-  
bayaran transaksi menggun-  
akan nama dan kata laluan  
bank di telefon pintar.

“Namun skrin paparan  
pada pautan perbankan in-  
ternet itu menjadi kosong.  
Saya cuba guna akaun bank  
lain namun perkara sama  
berlaku,” katanya.

Menurutnya, dia terkejut  
mendapati berlaku pemin-  
dahan wang tanpa kebena-  
ran RM3,655.40 melalui satu  
akaun bank miliknya.

“Saya terkejut mendapati  
RM600 dari akaun bank lain  
turut dipindahkan tanpa pe-



**Beberapa hari selepas  
memuat naik aplikasi  
itu pada Disember lalu,  
saya sedar wang  
simpanan saya hilang  
tanpa diketahui punca”**

**Amran**

ngetahuan.

“Saya segera membuat la-  
poran polis pada hari sama  
kerana mengesyaki seseo-  
rang menggodam telefon sa-  
ya apabila saya memuat tu-  
run aplikasi itu,” katanya.

Seorang lagi mangsa yang  
hanya mahu dikenali seba-  
gai Amran, 35, kerugian  
RM5,670 selepas memuat  
turun aplikasi khas dihantar

pihak menadaka saya ada pin-  
jaman tertunggak. Malah salin-  
an MyKad serta gambar  
intim bersama tunang di-  
dedahkan *scammer* terbabit  
kepada rakan saya.

Menurutnya, dia yang ter-  
tarik membeli kereta model  
Audi A5 ditawarkan pada  
harga serendah RM40,000.

“Saya diminta memuat tu-  
run aplikasi khas kononnya  
bagi urusan tempahan ke-  
reta. Beberapa hari selepas  
memuat naik aplikasi itu  
pada Disember lalu, saya se-  
dar wang simpanan saya hi-  
lang tanpa diketahui punca.

“Saya syak individu me-  
nawarkan kereta berkenaan  
menggodam maklumat pe-  
ribadi saya,” katanya.

Sementara itu seorang pe-  
nyelia tapak binaan menjadi  
mangsa selepas memuat  
naik aplikasi ciptaan toyol  
*scammer* yang turut mencuri  
data dan gambar peribadi  
mangsa bagi tujuan ugutan.

sej mendakwa saya ada pin-  
jaman tertunggak. Malah salin-  
an MyKad serta gambar  
intim bersama tunang di-  
dedahkan *scammer* terbabit  
kepada rakan saya.

“Saya terima panggilan te-  
lefon dari individu tidak di-  
kenali menuntut hutang wa-  
laupun pinjaman belum di-  
peroleh.

“Saya mengesyaki sindiket  
itu menggodam telefon saya  
menggunakan aplikasi itu,”  
katanya yang sudah mem-  
buat laporan polis di Ibu Pe-  
jabat Polis Kontinjen Kuala  
Lumpur baru-baru ini.

Sementara itu, Ketua Biro  
Pengaduan Awam MCA, Da-  
tuk Seri Micheal Chong me-  
muktumkan pihaknya men-  
terima aduan membabitkan  
modus operasi sama dengan  
kerugian lebih RM500,000  
sejak awal tahun lalu.

dimuat turun daripada Goo-  
gle Play Store seperti Aplikasi  
*Smart TV Remote* serta *Hal-  
loween Coloring*.

“Perisian hasad *Joker* ini  
berfungsi melanggan apli-  
kasi premium melalui akaun  
pengguna tanpa disedari  
atau disahkan pengguna itu  
sendiri yang boleh mengaki-  
batkan kerugian wang ring-  
git,” katanya.

Beliau berkata, pengguna



**Di dalam gedung  
aplikasi seperti di Play  
Store pun ada  
aplikasi dipasang  
perisian hasad ini”**

**Siraj Jalil**



“Pengguna tidak akan me-  
nyedari data sensitif mereka  
dicuri dan penting untuk  
mereka tidak sewenang-we-  
nangnya memuat turun se-  
barang aplikasi mencuriga-  
kan,” katanya.



## Sindiket kebas RM2.23 bilion sejak 2017

**Kuala Lumpur:** Angka menakut-  
kan apabila sejumlah 67,552 kes pe-  
nipuan *scam* membabitkan keru-  
nigan bernilai RM2.23  
bilion dila-  
porkan sejak  
2017 sehing-  
ga 20 Jun 2021  
dan jumlah kes  
terus mening-  
kat.

Perkara itu di-  
dedahkan Suruhan-  
jaya Sekuriti Mala-  
ysia (SC) yang gusar  
terhadap sikap tidak  
peka orang ramai terha-

dap aktiviti penipuan ini.

Berdasarkan angka dan rekod itu,  
bermakna seorang mangsa ditipu  
bagi setiap 30 minit di negara ini.

SC berkata, modus operandi pe-  
nipuan membabitkan penyamaran  
sebagai pihak bank,  
pihak berkuasa, per-  
niagaan e-dagang  
atau pelaburan terus  
menjadi trend popu-  
lar di kalangan pen-  
jenayah.

“Anaknya ramai  
mudah diperdaya  
hanya melalui panggilan telefon  
atau mesej meragukan.

“Biasanya *scammer* menghubu-

ngi mangsa dan menyamar sebagai  
pihak berkuasa atau bank dan me-  
minta maklumat peribadi untuk  
memindahkan wang. Malah me-  
reka ada pelbagai kaedah untuk  
mencuri data peribadi mangsa,” ka-  
tanya.

Sementara itu  
penganalisis kese-  
lamatan dan po-  
litik Pusat Penga-  
jian Perang Saraf  
Media dan Infor-  
masi Universiti  
Teknologi Mara  
(UiTM), Dr Noor Nirwandy Mat  
Noordin berkata, masih ramai am-  
bil mudah isu keselamatan siber

**60%**  
Kadar peningkatan kes  
penipuan dalam talian  
untuk tempoh 10 tahun lalu

dan mendedahkan diri kepada pel-  
bagai bentuk penipuan.

Menurutnya, masyarakat harus  
mengaplikasikan minda keselama-  
tan dalam memastikan mereka pe-  
ka pada ancaman penipuan.

Sementara itu Ketua Polis Ne-  
gara, Datuk Seri Acryl Sani Ab-  
dullah Sani berkata, perkembangan  
teknologi canggih termasuk media  
sosial dilihat mendorong kepada  
trend peningkatan kes penipuan  
dalam talian sebanyak 60 peratus  
dalam tempoh 10 tahun lalu.

Katanya, sindiket penipuan da-  
lam talian dilihat semakin kreatif  
menjalankan pelbagai modus ope-  
randi untuk menjerat mangsa  
hingga mereka mengalami keru-  
gian ratusan ribu ringgit.

MENURUT SC,  
seorang mangsa  
ditipu dalam  
setiap 30 minit  
di negara ini.